

03 AUG 2001

Ling-Pemuda

LING KESAL DENGAN KEKECOHAN MESYUARAT PEMUDA

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik kesal dan sedih dengan kekecohan semasa mesyuarat agung tahunan Pergerakan Pemuda parti itu di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata insiden yang berlaku itu harus dijadikan iktibar oleh para pemimpin pemuda untuk memastikan mereka bersedia untuk memimpin parti pada masa depan.

"Mereka perlu membuktikan bahawa mereka mempunyai disiplin, sikap yang betul dan majoriti mencukupi sebelum pemuda mengambil alih parti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat agung ke-25 Wanita MCA di sini.

Dr Ling bagaimanapun berkata bukan masanya untuk menuding jari kepada pihak mana yang bertanggungjawab dengan insiden itu.

"Kita akan mendapatkan laporan, setiausaha agung parti akan mendapatkan laporan sebenar apa yang berlaku," katanya.

Mesyuarat Agung Pemuda MCA ke-38 berlangsung dalam keadaan kecoh apabila menerima panggilan bom palsu, insiden membaling kerusi dan kejadian keluar beramai-ramai.

Dr Ling meminta anggota parti supaya bertenang dan mengingatkan bahawa mereka bertanggungjawab menjaga kestabilan, disiplin dan keutuhan parti.

Katanya, MCA telah mengambil langkah yang perlu termasuk meminta bantuan polis bagi memastikan persidangan agung MCA yang akan berlangsung esok berjalan lancar.

"Kita menjemput polis supaya dengan kepakaran mereka akan dapat membantu pemeriksaan bangunan kerana kita tidak mahu lagi berlaku ancaman bom," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dijadual merasmikan persidangan esok.

-- BERNAMA

NM CS AHH MOZ